



21 JUL, 2023

Program pembangunan usahawan dilaksana seluruh negeri

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Program pembangunan usahawan dilaksana seluruh negeri

Bagi lahir usahawan baharu sekali gus berdaya saing dalam bidang pertanian, industri makanan: Dr Abdul Rahman

Oleh Hamkar Sarbinee

KUCHING: Pelbagai program pembangunan usahawan dilaksanakan di seluruh negeri ini bagi melahirkan usahawan baharu sekali gus berdaya saing dalam bidang pertanian dan industri makanan.

Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi berkata, melalui program yang dirancang, ia diselitkan pemasaran digital yang berupaya meningkatkan pendapatan kumpulan sasar iaitu golongan muda.

"Bermula 2021 hingga Jun 2023, seramai 10,649 pelajar telah dilatih dalam program yang disediakan dan berjaya melahirkan seramai 685 usahawan baharu dengan nilai jualan mencecah RM15.6 juta.

"Justeru, program yang diusahakan oleh kerajaan bukan sahaja menjadikan pelajar atau pelatih seorang yang berkerjaya, malah

mereka dapat meningkatkan pendapatan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Kursus Pembangunan Ejen Pemasar New Breed Marketing Entrepreneur Muda (NBME) Peringkat Negeri Sarawak di Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) Cawangan Santubong di sini semalam.

Dr Abdul Rahman menjelaskan, pemasaran digital yang berkembang pada masa ini membuktikan usaha kerajaan tidak hanya tertumpu kepada hasil yang ada di Sarawak.

"Apa yang diperkenalkan oleh Abang Johari (Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg) pada 2017 dahulu iaitu memulakan inisiatif untuk berpindah kepada transformasi ekonomi digital.

"Oleh itu, beberapa pendekatan drastik telah dilaksanakan untuk memastikan

“ Bermula 2021 hingga Jun 2023, seramai 10,649 pelajar telah dilatih dalam program yang disediakan dan berjaya melahirkan seramai 685 usahawan baharu dengan nilai jualan mencecah RM15.6 juta. ”

Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

seluruh Sarawak dapat dibangunkan menerusi kaedah digital ini," jelasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai itu menambah, kerajaan turut menyasarkan sebanyak 10,000 usahawan baharu menjelang 2025.

"Oleh itu, apa yang kita usahakan pada masa ini tidak mustahil angka usahawan akan terus bertambah.

"Gunakan ilmu yang ada untuk memulakan aktiviti keusahawanan atau cari produk yang ada di sekeliling

kita untuk dipasarkan," jelasnya.

Mengenai kursus itu, ia dianjurkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sarawak yang dihadiri seramai 186 pelatih CENTEXS dan diadakan di Smart Auditorium, CENTEXS Cawangan Santubong.

Hadir sama Pengarah FAMA Negeri Sarawak Ramli Mat Sani dan Timbalan Pengarah Pengurusan CENTEXS Norasyikin Dahlan.



LAWAT: Dr Abdul Rahman melawat pempamer usahawan sebelum merasmikan majlis berkenaan di Auditorium CENTEXS Cawangan Santubong.



21 JUL, 2023

Program pembangunan usahawan dilaksana seluruh negeri

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bagi lahir usahawan baharu sekali gus berdaya saing dalam bidang pertanian, industri makanan: Dr Abdul Rahman

Oleh HamkarSarbinee KUCHING: Pelbagai program pembangunan usahawan dilaksanakan di seluruh negeri ini bagi melahirkan usahawan baharu sekali gus berdaya saing dalam bidang pertanian dan industri makanan. Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi berkata, melalui program yang dirancang, ia diselitkan pemasaran digital yang berupaya meningkatkan pendapatan kumpulan sasar iaitu golongan muda.